

**ANALYSIS OF ALLANTOIN SOURCES FROM SHARIAH PERSPECTIVE IN
COSMETIC PRODUCT**

ANALISIS HUKUM RAMUAN ALLANTOIN DALAM PRODUK KOSMETIK

Nahidah Mat Norⁱ, Siti Hajar Mohd Zaidⁱⁱ, Mustafa Mat Jubri Shamsuddinⁱⁱⁱ & Mohammad Aizat Jamaludin^{iv}

ⁱ (Corresponding Author) Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia, nahidah.mf@gmail.com

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia, hajarzaid1507@gmail.com

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia, mussham@gmail.com

^{iv} Pensyarah, Institusi Penyelidikan dan Latihan Halal Antarabangsa (INHART), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia, mohdaizat@iiium.edu.my

Abstract	<p><i>Variety of ingredients such as allantoin, urea, hyaluronan and alcohol that are being used in cosmetic products require some Islamic jurisprudence rulings in it. There are few instruments of determining the permissible (halal) and prohibited (haram) of ingredients in the field of Islamic jurisprudence such as al-Istihalah (transformation), al-ihhtiyat (careful) and al-istihlak (decomposition). However, this research focuses on the instruments of al-istihalah and al-ihhtiyat in the usage of allantoin. Allantoin is commonly used as ingredient in various cosmetic products. Allantoin is botanically sourced and it is retrieved from plants, bacteria and urea of mammals. However, there are few verdicts regarding the use of allantoin as it is usually retrieved from two different sources, plants and urea. Allantoin is not widely being studied from the perspective of Islamic jurisprudence ruling. Hub Halal, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) itself however has issued a decree that allantoin is a critical ingredients that need special certification from the industry itself. Thus, this research purposes to re-investigate the verdicts of conventional and contemporary scholars about the usage of anything that are extracted from unclean (najs) sources in cosmetic products. The questions of the research is to find Islamic jurisprudence rulings that are included in allantoin and whether al-Istihalah is accepted in the process of allantoin making. This research is conducted by library research and interviews with the specialist in the field of science and halal research. Library research conducted to analyze the study of the jurisprudence from the conventional and contemporary scholars about al-Istihalah. While, the interviews are being conducted to identify in-depth on al-Istihalah from science perspective. Research suggesting a higher standard in the selection of ingredients in cosmetic products and choosing ingredients that are free from element of doubt as the Muslim consumers can use it with certainty (yaqin).</i></p> <p>Keywords: <i>Allantoin, Al-Istihalah, Al-Ihtiyat, Cosmetic, Urea.</i></p>
Abstrak	<p><i>Variasi ramuan yang digunakan dalam produk kosmetik seperti allantoin, urea, hyaluronan dan alkohol memerlukan penentuan hukum terhadapnya. Terdapat</i></p>

beberapa instrumen penentuan hukum halal haram dalam disiplin ilmu fiqh seperti al-istihalah (perubahan), al-ihiyat (berjaga-jaga) dan al-istihlak (penguraian). Kajian ini hanya memfokuskan kaedah al-istihalah dan al-ihiyat terhadap ramuan kosmetik daripada allantoin. Allantoin merupakan suatu bahan yang biasa digunakan dalam produk kosmetik. Allantoin berasal daripada sumber botani iaitu tumbuh-tumbuhan, bakteria dan juga air kencing daripada haiwan mamalia. Timbul keraguan pada status penggunaannya kerana terdapat dua hukum yang berbeza pada sumbernya. Namun begitu, kajian dalam hukum penggunaan allantoin dalam produk kosmetik masih belum dibincangkan dari perspektif fiqh secara terperinci. Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menjelaskan bahawa allantoin juga merupakan kategori ramuan kritikal yang memerlukan pengesahan halal daripada pihak industri itu sendiri. Oleh itu, kajian ini adalah untuk meneliti kembali pandangan fuqaha terdahulu dan kontemporari terhadap penggunaan ekstrak sebarang bahan yang dikategorikan sebagai najis dalam produk kosmetik. Kajian ini menimbulkan persoalan hukum terhadap allantoin dan penentuannya samada dapat diterima sebagai istihalah atau sebaliknya. Dari sudut metodologi kajian pula, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bersama pakar dalam bidang sains. Dari sudut metodologi kajian pula, kajian kepustakaan dilakukan bagi merujuk kepada pendapat fuqaha terdahulu dan kontemporari berkaitan dengan Istihalah. Manakala, kajian temubual pula adalah bertujuan untuk mengetahui kaedah istihalah dari persepektif sains. Justeru itu, kajian ini mencadangkan penetapan standard yang lebih teliti dalam penggunaan bahan-bahan pembuatan kosmetik agar tidak terdapat unsur-unsur yang haram digunakan oleh umat Islam kerana tidak dinafikan penggunaan kosmetik juga diamalkan secara meluas oleh pengguna Islam di Malaysia.

Kata kunci: Allantoin, Istihalah, Ihtiyat, Kosmetik Dan Air Kencing.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, perkembangan ilmu pengetahuan sains dan teknologi selari dengan keperluan masyarakat terhadap bahan gunaan seperti ubat-ubatan dan kosmetik. Kosmetik digunakan secara meluas oleh golongan wanita mahupun lelaki. Terdapat pelbagai ramuan yang diformulasikan dalam pembuatan kosmetik terutamanya untuk menambahkan keberkesanan fungsi hasil akhirnya. Formulasi yang biasa digunakan berperanan sebagai agen anti penuaan, pemutih kulit dan pelembap. Hal ini bertujuan bagi memaksimumkan natijah yang bertepatan dengan kehendak pengguna dan industri kosmetik itu sendiri. Tambahan pula, terdapat beberapa laporan kes berkenaan kewujudan enzim babi dikesan dalam produk kosmetik yang bertaraf antarabangsa (Arshia Mukhtar, 2011).

Daripada perspektif Maqasid (objektif) Syariah, penggunaan kosmetik bukanlah perkara yang *darurah* (keperluan yang mendesak) seperti ubat-ubatan dalam perubatan kerana ia hanya berfungsi untuk kecantikan dan tampil bergaya. Secara asasnya, penggunaan kosmetik adalah harus dalam syariah selagi mana tiada dalil atau bukti pengharamannya. Hal ini berbeza terhadap penggunaan najis dalam ubat-ubatan dalam keadaan *darurah* yang disepakati harus oleh beberapa fuqaha kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi dan Wahbah al-Zuhayli (Ahmad Nuryani, 2015). Walaubagaimanapun, hukum penggunaan najis ini berbeza terhadap penggunaan kosmetik, iaitu tetap dianggap tidak *darurah*. Oleh itu, pengguna Muslim perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam sumber bahan yang digunakan serta menepati ketetapan syariah.

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada ramuan kritikal bersumberkan allantoin yang telah ditetapkan oleh bahagian Hab Halal, JAKIM. Sumber penghasilan allantoin boleh bersumberkan daripada air kencing haiwan, tumbuh-tumbuhan dan

bakteria. Oleh itu, timbul keraguan terhadap status kehalalan sesuatu produk tersebut yang perlu diteliti dan dititikberatkan oleh pengguna. Langkah *al-ihiyat (berjaga-jaga)* perlu diaplikasi dalam kalangan umat Islam supaya tidak menggunakan sumber ramuan kosmetik daripada perkara yang *syubhah (keraguan)*. Selain itu, pengkaji juga meneliti kaedah *al-istihalah* dalam penentuan hukum ramuan tersebut menurut pandangan syariah dan sains.

HALAL DAN HARAM KOSMETIK

Kosmetik ialah sesuatu produk yang biasanya digunakan dan diaplikasikan secara luaran dan dalaman anggota tubuh manusia. Malah produk kosmetik juga dikenali sebagai produk kecantikan. Kosmetik bukan hanya digunakan pada anggota tertentu seperti muka, tangan, bibir ataupun rambut, malah juga digunakan pada gigi dan anggota tubuh yang lain. Lazimnya penggunaan produk kosmetik bertujuan untuk membersihkan anggota tubuh dan mengekalkannya dalam keadaan baik serta menghilangkan bau yang tidak enak (*Guidelines For Control Of Cosmetic Products In Malaysia*, 2008). Produk kosmetik yang digunakan secara meluas merangkumi krim penjagaan muka, losyen, alat mandian, wangian dan alatan tata rias wajah (Mohezar 2016).

Islam menggalakkan umatnya untuk menghiasi diri selari dengan ketetapan syariah. Antara ketetapan yang digariskan syariah adalah tidak mengubah ciptaan Allah yang asal, tiada unsur penipuan serta pemalsuan, tidak meniru perbuatan orang kafir, tidak memudaratkan kesihatan dan tidak menimbulkan fitnah terutamanya kepada golongan wanita (Naqa' 'Imad Abdullah Dik, 2010). Malah, sesuatu produk kecantikan yang digunakan hendaklah dipastikan kehalalannya.

Di Malaysia, Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah mengeluarkan beberapa garis panduan terhadap bahan-bahan yang hendak digunakan terhadap penghasilan produk kosmetik. JSM menggariskan produk kosmetik tersebut hendaklah tidak mengandungi mana-mana bahagian daripada anggota binatang yang diharamkan oleh syarak ataupun binatang yang tidak disembelih mengikut *syariah*. Selain itu, produk itu hendaklah bebas daripada najis sepertimana yang ditetapkan oleh *syariah* dan fatwa yang berautoriti. Begitu juga, bahan tersebut tidak mendatangkan sebarang kemudaratkan (*madarrah*) kepada pengguna (Jabatan Standard Malaysia, 2008).

Halal dan haram ialah dua perkara yang sangat dititikberatkan dalam Islam. Setiap sesuatu yang digunakan dan dimakan serta minum perlu dipastikan status halal dan haramnya kerana setiap sesuatu yang diambil dan dimasukkan ke dalam anggota badan serta dapat mempengaruhi anggota badan. Firman Allah SWT:

﴿كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ﴾

Maksudnya, “Makanlah daripada makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan pada kamu” (al-Quran. al-Baqarah: 57).

Dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* oleh Yusuf al-Qaradawi (1997), beliau telah memberikan beberapa asas dalam penentuan perkara halal dan haram dalam Islam. Antara asas-asas tersebut ialah:

1) Asal Pada Sesuatu Perkara Ialah *Ibahah (Harus)*

Sebagaimana yang digariskan dalam Islam, asal bagi sesuatu penciptaan dan manfaatnya ialah harus. Tidak diharamkan sesuatu melainkan terdapat dalil (*nas*) yang sahih (jelas) yang menunjukkan syariah mengharamkannya. Contohnya hadis *daif* (lemah), ia tidak boleh dijadikan sebagai dalil pengharaman sesuatu.

Dalam hal asal bagi sesuatu ialah harus, para fuqaha bersandarkan beberapa dalil dari al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا﴾

Maksudnya, "Dialah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi" (al-Quran. al-Baqarah: 29).

Manakala, asas bagi sesuatu pengharaman adalah disebabkan hikmah yang terkandung dalam perintah larangan tersebut. Sebagai contoh, pengharaman arak kerana memabukkan.

Selain itu, kaedah ini juga sesuai diaplikasi dalam bidang muamalat dan adat sahaja. Jual beli, hibah, sewa beli, adalah contoh perkara muamalat dan adat yang diperlukan manusia dalam kehidupan seharian selain daripada makan, minum dan pakaian. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak diaplikasi dalam perkara berkaitan ibadah. Ibadat adalah perkara asas agama yang khusus dan bersumberkan secara langsung melalui wahyu dan perantaraan Nabi Muhammad SAW.

2) Halal Dan Haram Bagi Sesuatu Adalah Hak Allah SWT

Asas kedua yang digariskan dalam halal dan haram ialah Allah SWT adalah yang berhak bagi sesuatu perkara halal dan haram selama-lamanya. Tiada satu makhluk tidak kira kedudukan mereka dalam urusan agama mahupun dunia yang mempunyai hak ini. Rahib, Sultan atau Raja juga tidak memiliki kuasa untuk mengharamkan sesuatu secara selama-lamanya ke atas hamba Allah SWT yang lain.

Mereka yang melakukan hal ini adalah orang yang melampaui batas dan menceroob hak Allah dalam pensyariatian kepada makhlukNya. Firman Allah SWT:

﴿اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾

Maksudnya, "Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain daripada Allah dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan Yang Maha Esa, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Maha Suci Allah daripada apa yang mereka lakukan" (al-Quran, al-Tawbah: 31).

Begitu juga firman Allah SWT:

﴿أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُمْ مِّنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَن بِهِ اللَّهُ﴾

Maksudnya, "Patutkah mereka mempunyai sekutu-sekutu yang menentukan mana-mana bahagian daripada agama mereka sebarang undang-undang yang tidak diizinkan oleh Allah?" (al-Quran. al-Shura: 21).

3) 'illah (Sebab) Pengharaman Sesuatu Adalah Kerana Keburukan Dan Kemudaratan

Secara asasnya dalam Islam, pengharaman sesuatu adalah disebabkan keburukan dan kemudaratan yang jelas. Manakala sesuatu yang jelas memberi manfaat adalah dikategorikan sebagai halal. Sesuatu yang membawa lebih banyak kemudaratan berbanding kebaikan juga dikategorikan sebagai haram dan apa yang membawa lebih banyak manfaat berbanding kemudaratan pula adalah halal. Perkara ini selari dengan firman Allah SWT:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا﴾

Maksudnya, "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah, pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya" (al-Quran. al-Baqarah: 219).

4) Apa Yang Membawa Kepada Haram Adalah Haram

Islam juga mengharamkan sesuatu yang boleh membawa kepada perkara haram. Dalam Usul al-Fiqh, kaedah *Sadd al-Dhara'ic* yang bererti menutup jalan-jalan kemungkinan yang boleh membawa kepada perkara yang dilarang diaplikasikan bagi menghalang sesuatu kepada berlakunya perkara yang haram.

5) Niat Yang Baik Tidak Menghalalkan Perkara Haram

Niat ialah perkara yang pertamanya dititikberatkan dalam Islam. Sabda Nabi Muhammad SAW:

{ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ }

Maksudnya, "setiap segala perbuatan adalah dengan niat." (Hadis. Al-Bukhari. *Bab Kayfa Kana Bada'a al-Wahyu Ila Rasulillah SAW*. 1).

Niat yang baik boleh menukarkan sesuatu amal biasa kepada ibadah dan ketaatan kepada Allah SWT. Sebagai contoh, seseorang yang meniatkan makanannya untuk menjaga kehidupan, menguatkan tubuh dan supaya boleh menjalankan kewajipan terhadap Allah SWT dan ummatnya, makan dan minumannya dikira sebagai ibadah kepada Allah SWT.

Walaupun begitu, seseorang yang berniat baik dan menghalalkan sesuatu yang haram adalah ditegah dalam Islam. Islam tidak meredai perbuatan mengambil sesuatu yang haram sebagai jalan untuk mencapai sesuatu yang halal kerana Islam sangat mengambil berat akan kemuliaan tujuan dan proses untuk mencapainya. Konsep *al-ghayah tubarrir al-wasilah* yang bermaksud 'matlamat menghalalkan cara' secara sewenang-wenangnya adalah tidak diterima disisi Islam bahkan Islam mewajibkan pencapaian sesuatu melalui jalan yang sah (benar).

6) Kemudaratan Mengharuskan Perkara Larangan

Antara kaedah dalam fiqh ialah *al-darurah tubih al-mahzurah* yang bermaksud kemudaratan mengharuskan perkara larangan. Islam sangat menekankan urusan dalam pengharaman sesuatu malah menutup sebarang jalan-jalan yang dapat membawa sesuatu kepada yang haram. Walaubagaimanapun, asas-asas yang ditetapkan Islam tidak melupakan akan kebarangkalian berlaku sebarang kemudharatan kepada kehidupan manusia akan lemahnya manusia. Oleh itu dalam hal seumpama ini, iaitu semasa kemudaratan dan kesusahan, manusia dibolehkan untuk memakan sesuatu yang sebelumnya diharamkan untuk menolak kerosakan serta kemudaratan yang lebih besar.

Sebagaimana firman Allah SWT selepas disebutkan tentang pengharaman beberapa jenis makanan seperti bangkai, darah yang mengalir dan daging khinzir. Allah SWT berfirman:

﴿فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ﴾

Maksudnya, "Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah dia berdosa" (al-Quran. al-Baqarah: 173).

Daripada ayat tersebut dan ayat-ayat lain seumpamanya, para fuqaha menggunakan dalil tersebut untuk kaedah kemudaratan mengharuskan perkara yang haram. Malah, Allah SWT juga mengikat dan menetapkan garis sempadan dalam kadar pengambilan bahan yang dilarang ini dengan firmannya, ﴿غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ﴾ yang bermaksud tidak melampau batas.

Hal ini kerana Islam mengharuskan sesuatu yang haram kepada ummatnya dalam keadaan kemudaratan dan bersesuaian dengan prinsip Islam yang tidak menyusahkan ummatnya. Firman Allah SWT:

(يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ)

Maksudnya, "Allah mengkehendaki bagi kamu beroleh kemudahan dan Allah tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran" (al-Quran. al-Baqarah: 185).

ALLANTOIN

Allantoin ialah sebatian kimia semulajadi yang terhasil daripada ekstrak haiwan mamalia, tumbuh-tumbuhan dan bakteria (G.O. Igile, 2014). Ekstrak allantoin yang bersumberkan haiwan biasanya diperolehi daripada haiwan mamalia seperti lembu. Manakala, allantoin yang bersumberkan tumbuh-tumbuhan biasanya diambil daripada *sugar beet*, biji tembakau, *chamomile* dan *wheat sprouts* (G.O. Igile, 2014).

Selain itu, allantoin juga boleh didapati secara sintetik. Menurut *International Cosmetic Ingredient Dictionary and Handbook*, allantoin (CAS No. 97-59-6) adalah sebatian heterocyclic organik. Allantoin juga dikenali sebagai (*2,5-dioxo-4-imidazolidiny*) *urea*; *glyoxyldiureide*; *glyoxyldiureide*; *glyoxylic diureide*; *urea*, (*2,5-dioxo-4-imidazolidiny*); dan *5-urcidohydantoin* and *6-urcidohydantoin*. Nama lain allantoin juga ialah *alantan*, *alloxantin*, *ureidohydantoin*, *hemocane*, *paxyl*, *allantol*, *cordianine*, *hydantoin*, *5-ureido*, dan *2,5-dioxo-4-imidazolidinyl*) *urea*. Sifat fizikal bagi allantoin adalah dalam bentuk serbuk putih yang tidak berbau, tidak mempunyai rasa dan juga tidak meninggalkan sebarang kesan. Allantoin juga bertindak sebagai bahan asid dan bes (Lillian Becker, 2010).

Begitu juga, Allantoin berfungsi sebagai agen penyembuhan, kelembapan, kelegaan, dan anti-iritasi (Loden, 1999). Allantoin turut membantu menyembuhkan luka dan merangsang pertumbuhan tisu yang sihat pada kulit (National Centre for Biotechnology Information 2004). Allantoin biasanya didapati dalam produk kosmetik seperti krim pelindung suria, pelembap bibir, gincu, krim pelembap badan, losyen badan, krim mata, ubat gigi, pembersih mulut, produk pemulihan jerawat, pencerahan kulit, pelembap, krim tangan, krim pencukur, produk mandian, talkum bayi, krim rambut, gel rambut dan pewarna rambut (Heather P Harding, 2006). Allantoin digunakan dalam produk penjagaan mulut dan produk lain adalah bertujuan untuk meningkatkan kadar keaktifan bahan-bahan aktif (*active ingredients*) di dalam formulasi dan sinergi. Produk-produk ini biasanya mengandungi sebatian allantoin sebanyak 0.5% sehingga 2% (Heather P Harding, 2006).

Allantoin yang diperolehi secara sintetik adalah halal menurut perspektif syariah (Muhammad Shirwan Abdullah Sani, 2019). Namun, timbul keraguan terhadap allantoin yang bersumberkan ekstrak haiwan yang kebiasaannya diperolehi daripada air kencing haiwan mamalia tersebut. Begitu juga, allantoin yang bersumberkan tumbuhan apabila diekstrak daripada sumber ramuan kritikal seperti alkohol. Oleh itu, pengkaji telah membahagikan dua kategori hukum allantoin bersumberkan air kencing haiwan dan tumbuhan.

Air Kencing Haiwan

Allantoin yang didapati daripada air kencing haiwan melalui beberapa proses seperti pengoksidaan dan hidrolisis. Proses-proses tersebut tidak mengubah sifat kimia ramuan allantoin walaupun fizikalnya telah berubah. Hal ini menyebabkan proses *istihalah* tidak berlaku (Muhammad Shirwan Abdullah Sani, 2019). Jadi, hukum asal sesuatu najis itu perlu diteliti mengikut pandangan fuqaha. Mereka berselisih pendapat dari sudut kenajisan air kencing yang halal dimakan dagingnya.

Para fuqaha silam dan masa kini sudah membincangkan hukum-hukum berkenaan air kencing ini dari segi penggunaannya.

Antara hadis yang meriwayatkan tentang status hukum air kencing ialah:

{ روى ابن مسعود رضي الله عنه قال: فأتيته بحجرين وروثة فأخذ الحجرين وألقى الروثة وقال إنما ركس }

Maksudnya, "Diriwayatkan dari Abdillah R.A, beliau berkata, aku mendatangi Nabi dengan dua batu dan satu kotoran, Nabi mengambil kedua batu itu dan membuang yang kotoran lalu berkata: ia adalah kotoran haiwan" (Hadis. Al-Tarmizi. Bab fil Istinja' bi Hajrain. 17).

Begitu juga, hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A:

{عن أبي هريرة رضي الله عنه، فقال لهم النبي صلى الله عليه وسلم: وهريقوا على بوله سجلا من ماء}

Maksudnya, "Tuangkanlah atas air kencingnya (Arab Badwi yang kencing di masjid) dengan setimba air." (Hadis. Al-Bukhari. Bab Sabbal Ma' 'alaa al-Baul fil Masjid. 220).

Selain itu, hadis tentang air kencing haiwan juga diriwayatkan daripada Anas bin Malik R.A:

{عن أنس بن مالك أن ناسا من عرينة قدموا المدينة فاجتووها فبعثهم رسول الله صلى الله عليه وسلم في

الإبل الصدقة. وقال "اشربوا من ألبانها وأبوالها"}

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Anas, ia berkata suatu ketika datang sekelompok manusia dari suku Uraniyin atau Urainah, tetapi mereka tidak sesuai dengan cuaca di Madinah (yang menyebabkan mereka selalu sakit). Maka nabi SAW memerintahkan mereka mencari unta betina yang sedang menyusui dan menyuruh mereka supaya minum air susu dan kencing unta itu" (Hadis. Al-Tarmizi. Bab Ma Ja'a fi Sharbi Abwalil Ibil. 1845).

Hadis ini meriwayatkan tentang saranan Nabi Muhammad SAW kepada kaum Urainah supaya mereka meminum air kencing unta untuk mengubati penyakit yang dihadapi oleh mereka. Unta ialah haiwan yang halal dimakan dagingnya, fuqaha berpendapat bahawa harus meminum air kencing unta berikutan dagingnya yang halal dimakan. Daripada hadis ini juga, fuqaha mengqiaskan keharusan meminum air kencing haiwan-haiwan lain yang halal dimakan. Walaubagaimanapun, hal ini hanya diharuskan dalam aspek perubatan sahaja (Nurul Aiman Mat Abdullah, 2018). Secara asasnya, terdapat dua pendapat fuqaha dalam penggunaan air kencing haiwan.

Pendapat pertama dikemukakan oleh para fuqaha Maliki dan Hanbali bahawa air kencing haiwan yang halal dimakan adalah suci dan diharuskan penggunaannya (Wahbah bin Mustafa Al-Zuhayli, t.th). Walaubagaimanapun, menurut mazhab Maliki haiwan yang memakan dan meminum najis dikira najis dan apa-apa daripadanya adalah makruh (Wahbah bin Mustafa Al-Zuhayli, t.th). Oleh kerana itu, hukum air kencing sesuatu haiwan mengikut hukum dagingnya, jika dagingnya haram dimakan, maka air kencingnya juga adalah najis. Air kencing haiwan yang makruh dimakan pula statusnya adalah makruh (Wahbah bin Mustafa Al-Zuhayli, t.th).

Pendapat yang kedua pula adalah bersumberkan pandangan mazhab Shafie yang mana menjelaskan air kencing dikira sebagai najis samada ia daripada haiwan yang boleh dimakan atau haiwan yang tidak boleh dimakan (Taqi al-Din al-Shafi'i, 1994).

Dalam kitab al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab, Imam al-Nawawi mengatakan:

وقد سبق أن مذهبا أن جميع الأرواث والذرق والبول نجسة من كل الحيوان، سواء المأكول وغيره والطيور وكذا روث السمك والجراد وما ليس له نفس سائلة كالذباب فروثها وبولها نجسا على المذهب، وبه قطع العراقيون وجماعات من الخراسانيين. وحكى الخراسانيون وجها ضعيفا في طهارة روث السمك والجراد وما لا نفس له سائلة، وقد قدمنا وجها عن حكاية صاحب البيان والرافعي أن بول يؤكل وروثه طاهران وهو غريب، وهذا المذكور من نجاسة ذرق الطيور كلها هو مذهبا.

Maksudnya, "Sudah dijelaskan dalam mazhab kita iaitu mazhab al-Shafi'i bahawa semua kotoran daripada haiwan iaitu tahi burung dan air kencingnya itu adalah najis samada haiwan itu halal dimakan ataupun haram. Begitu juga bagi burung, ikan, belalang dan

haiwan yang tidak mengalir darahnya seperti lalat. Hukum sebarang kotoran ataupun tahi dan air kencingnya adalah najis menurut mazhab al-Shafi'i. Pendapat ini dipegang oleh ulama Iraq dan sebahagian ulama Khurasan. Sebahagian ulama Khurasan pula mengambil suatu riwayat yang lemah dan menyatakan kesucian kotoran ikan, belalang dan haiwan-haiwan yang tidak mengalir darahnya. Imam al-Shafi'i juga mengemukakan pandangan dari penulis kitab Sahib al-Bayan dan al-Rafi'i yang menyatakan bahawa air kencing dan tahi ataupun kotoran haiwan yang halak dimakan itu adalah suci adalah pendapat gharib atau minoriti. Majoriti pendapat mazhab al-Shafi'i menyatakan kotoran burung adalah najis keseluruhannya" (al-Nawawi, t.th).

Tarjih Pendapat:

Perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha dalam perbincangan air kencing haiwan samada harus ataupun tidak penggunaannya adalah disebabkan dua perkara:

- i. Khilaf mereka pada kefahaman hadis yang diwurdkan (Nabi SAW bersolat di kandang biri-biri dan ini menunjukkan perbuatan solat disitu adalah harus) juga hadis (Nabi SAW membenarkan kaum Uraniyyun meminum air kencing unta untuk menyembuhkan penyakit mereka) dan hadis (Nabi SAW melarang bersolat di tempat unta).
- ii. Fuqaha yang mengharuskan penggunaan air kencing haiwan yang boleh dimakan memberi hujah berdasarkan hadis Nabi SAW memberi kebenaran kepada kaum Uraniyyun meminum air kencing unta sedangkan fuqaha yang melarang penggunaan air kencing unta berpendapat bahawa itu hanyalah pengecualian dari sudut perubatan. Perbezaan seterusnya pula ialah perbezaan terhadap kefahaman hadis tentang Nabi SAW solat di kandang biri-biri. Fuqaha yang membenarkannya berpendapat bahawa najis haiwan yang boleh dimakan dikira harus kerana keharusan bersolat dalam kandang biri-biri. Manakala fuqaha yang tidak membenarkannya memahami hadis tersebut hanya khusus untuk beribadah sahaja. Oleh itu, timbul perbezaan kefahaman pada hadis larangan untuk solat dalam kandang unta. Fuqaha yang membenarkan penggunaan air kencing berpendapat bahawa hadis ini hanyalah larangan dalam konteks ibadah sahaja dan ianya bukanlah dikira sebagai najis (al-Qurtubi, 2004).

Sumber Tumbuhan

Ramuan kosmetik daripada tumbuhan juga antara ramuan kritikal apabila proses pengekstrakannya yang bersumberkan elemen najis (Seminar Halal UMHRC, February 27, 2019). Umumnya, proses pengekstrakan allantoin boleh didapati daripada sebatian alkohol iaitu *ethanol* dan *methanol* (Vakhtang Barbakadze, 2009). Berdasarkan kajian S.A. Fedoreyev (2012) terhadap penghasilan allantoin dari tumbuhan *mertensia maritima*, terdapat beberapa proses yang terlibat seperti pengeringan pada suhu 50°C dan diekstrak sebanyak tiga kali dengan campuran *chloroform* dan *ethanol* selama dua hari. Hasil kajian ini mendapati pembentukan struktur allantoin melalui analisis *X-ray diffraction*. Vakhtang (2009) pula membuat kajian pengekstrakan *comfrey* dengan menggunakan *methyl ethyl ketone* untuk menghasilkan allantoin. Kajian ini membuktikan bahawa pengekstrakan sesuatu tumbuhan juga boleh diragui status kehalalannya kerana melibatkan ramuan kritikal bersumberkan alkohol.

Ethanol dan *methanol* ialah dua jenis alkohol yang biasa digunakan dalam pengekstrakan allantoin. Secara prinsipnya, alkohol adalah sebatian organik yang mempunyai fungsi kumpulan OH atau sebatian yang terdiri daripada atom hidrogen, karbon dan oksigen (John Daintith, 2008). Menurut *Online Etymology Dictionary*, alkohol mempunyai dua pengertian yang berbeza. Pengertian pertama ialah alkohol berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *al-Kuhul* yang membawa maksud serbuk halus antimoni yang dihasilkan melalui proses penyulingan. Pengertian yang kedua pula ialah semangat atau dalam Bahasa Arab disebut *al-Ghawl* (Douglas Harper, t.th).

Asasnya, bukan semua alkohol adalah arak tetapi kandungan alkohol merupakan antara bahan asas dalam penghasilan arak. Arak terhasil daripada proses fermentasi atau

penapaian alkohol. Penapaian alkohol adalah satu proses perubahan anaerobic gula kepada *ethanol* dan karbon dioksida (K.H. Steinkraus, 2002). *Ethanol* juga dihasilkan melalui proses penapaian daripada buah-buah dan sayur-sayuran. Manakala methanol pula dihasilkan daripada suatu bahan yang dikenali sebagai *wood alkohol*. Kedua-dua alkohol ini adalah antara kandungan dalam arak yang memabukkan (Latifah Mohd Noor, 2018).

Walaupun begitu, terdapat perbezaan antara alkohol dan arak kerana kesannya berbeza. Kesan terhadap pengambilan arak boleh menyebabkan seseorang itu menjadi mabuk. Manakala kesan bagi pengambilan *ethanol* pula boleh mengakibatkan kematian disebabkan oleh sifat keracunan *ethanol* itu sendiri (Anisah Ab Ghani, 2010).

Jumhur fuqaha berpendapat bahawa setiap perkara yang memabukkan hukumnya adalah haram samada ia diambil daripada perahan anggur atau selainnya dengan syarat ianya boleh memabukkan (Ibn Qudamah, 1997).

Fuqaha mazhab Hanafiyah, Malikiyah, Hanabilah, majoriti daripada mazhab Shafiiyah, Ibnu Hazm dan al-Ghazali bersepakat bahawa arak atau alkohol yang memabukkan adalah najis dan haram. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Ma'idah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah semuanya kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu Berjaya" (al-Quran. Al-Ma'idah: 90).

Dalam tafsir al-Sharawi (1997), perkataan *rijsun* terhadap ayat tersebut menunjukkan sesuatu yang kotor dan buruk. Perkara yang kotor dan buruk yang diguna pakai pada ayat tersebut dapat dikategorikan kepada dua iaitu *hissiyyah* (pancaindera) dan *ma'nawiyah* (hukum). Dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada maksud *hissiyyah* kerana ia berkaitan dengan kerosakan pancaindera iaitu akal.

Dalil *aqli* bagi perbahasan ini pula telah dijelaskan dalam kitab *al-Muqaddimat al-Mumahhidat*, pengharaman sesuatu perkara bergantung kepada *illahnya* seperti arak diharamkan disebabkan memudaratkan kepada kesihatan akal (al-Qurtubi, 1988).

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada tahun 1984, alkohol yang terhasil daripada proses semulajadi seperti tapai adalah halal dimakan, manakala alkohol hasil daripada proses pembuatan arak adalah najis dan haram dimakan. Hukumnya berbeza pada kosmetik seperti wangi-wangian yang mengandungi alkohol kerana ianya harus digunakan (Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 2015).

Oleh itu, JAKIM juga membenarkan penggunaan alkohol yang kurang daripada 1% pada produk minuman dengan syarat penghasilan alkohol itu bukan melalui proses pembuatan arak (Nur Syazwani Mohd Hanafiah, 2014).

Mufti wilayah persekutuan berpendapat untuk mengambil langkah warak atau berhati-hati (*al-ihiyat*) terhadap penggunaan alkohol dalam kosmetik bagi mengelakkan *khilaf* (perbezaan) dalam kalangan fuqaha. Hal ini kerana, pengguna mempunyai limitasi untuk mendapatkan maklumat tentang cara pemprosesan alkohol samada bertujuan menghasilkan arak atau sebaliknya (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2017).

Seterusnya, berdasarkan perbincangan Muzakarah Fiqh Perubatan yang ke-8 di Kuwait pada tahun 1995, bahawa setiap perkara adalah harus kecuali terdapat dalil (bukti) pengharamannya. Oleh itu, alkohol adalah tidak najis menurut syariah samada alkohol itu bercampur atau tidak dengan air. Hal ini bertepatan dengan *qawl* (pendapat) yang berpendirian bahawa kenajisan arak dan bahan yang memabukkan adalah secara

ma'nawiyah, bukanlah *hissiyyah*. Maka, penggunaan alkohol dalam perubatan adalah diharuskan. Sebagai contoh, alkohol digunakan dalam pembersihan luka, peralatan pembunuhan bakteria, alat wangian dan krim yang mengandungi alkohol. Akan tetapi, hukum ini tidak boleh digunapakai terhadap arak kerana telah terdapat dalil (bukti) pengharaman dalam pengambilan manfaat daripadanya (Nazih Hammad, 2004).

Secara umumnya, menurut Zaharuddin (2015) alkohol yang digunakan untuk membuat arak bukanlah diperbuat daripada alkohol tulen tetapi ia merupakan alkohol yang dicampurkan dengan bahan pelarut yang lain. Maka, hukumnya berbeza dengan hukum arak.

KONSEP ISTIHALAH DAN APLIKASINYA TERHADAP ALLANTOIN

Istihalah ialah satu kaedah alternatif fiqh moden yang digunakan secara meluas pada masa kini (Mohammad Aizat Jamaludin, 2012). Walaubagaimanapun, dari sejarah perkembangannya, dapat diperhatikan bahawa *istihalah* biasanya hanya diperincikan dalam kitab fiqh klasik pada perbincangan bab taharah yang berkaitan dengan najis. Dengan perkembangan sains dan teknologi pada era globalisasi, fiqh moden telah mengembangkan perbincangan tentang aplikasi *istihalah* berkaitan dengan isu makanan dan ubat-ubatan. Vaksin dan gelatin ialah dua contoh ramuan yang boleh bersumberkan daripada najis yang haram dan berubah menjadi halal setelah melalui proses *istihalah*. Namun begitu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha yang sebahagiannya menjelaskan proses *istihalah* bersumberkan ramuan tersebut dapat diterima manakala sebahagian yang lain tidak dapat diterima (Tuan Sidek T.M, 2017).

Istihalah merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab. Ia merupakan kata terbitan bagi perkataan *istahala*, *yastahilu*, *istihalah* yang membawa maksud perubahan dan pertukaran (Ahmad Mukhtar Abdul Hamid Umar, 2008). Menurut Qal'ahji (1998), *istihalah* membawa maksud perubahan keadaan sesuatu jisim kepada keadaan yang lain tanpa kembali kepada asalnya. *Istihalah* dari sudut syarak pula merupakan perubahan daripada sifat dan ciri-ciri sesuatu najis kepada sesuatu yang suci (al-Kasani, 1986). Menurut Collin Cobuild (1994), *istihalah* boleh diterjemahkan dengan perkataan *transformation* yang mana bermaksud suatu perubahan lengkap.

Istihalah juga telah dibincangkan daripada perspektif sains. Menurut al-Mazidi (2009), *istihalah* ialah suatu proses perubahan kimia secara menyeluruh iaitu seratus peratus 100%. Perubahan seratus peratus ini diterima sebagai *istihalah sahifah*. Menurut Mohammad Aizat (2009) pula *istihalah* dari sudut sains sama seperti *transformation* dan *chemical decomposition*. Berdasarkan kamus Oxford Dictionary of Chemistry (2008), *transformation* ialah perubahan sesuatu sebatian kepada produk tertentu dengan bantuan bahan pemangkin secara semulajadi atau tidak semulajadi. Manakala *chemical decomposition* adalah penguraian sebatian kimia kepada jisim yang lebih ringkas misalnya penguraian air kepada hidrogen dan oksigen.

Antara contoh pengaplikasian *istihalah* yang diterima pada zaman moden ini ialah isu berkaitan penggunaan seramik bersumberkan tulang (bone) China. Menurut kajian Norhidayah (2015), dalam analisis hukum proses pengkalsinan dan pembakaran seramik bersumberkan bone china, hasil kajian mendapati proses *istihalah* diterima bagi haiwan yang disembelih menurut *syariah*.

Secara umumnya, Mazhab Maliki berpendapat proses *istihalah* adalah diterima selagi mana perubahan sesuatu itu adalah perubahan kepada sesuatu yang suci. Manakala, sesuatu perubahan kepada sesuatu yang kotor dianggap najis (Ramadan Hamdun Ali, 2013). Dalam kitab *Hashiyah al-Dusuqi Ala al-Sharh al-Kabir*, pengarang menyatakan sesuatu bahan yang berubah kepada sesuatu yang baik dikategorikan sebagai suci. Begitu juga perubahan kepada sesuatu yang buruk dan kotor dianggap sebagai najis. Sebagai contoh, seorang kafir masih dianggap suci dan bersih apabila beliau bertukar status menjadi Muslim kerana berlakunya proses *istihalah* kepada sesuatu yang baik. Manakala, muntah yang keluar daripada usus dianggap sebagai najis dan tidak suci kerana telah berlakunya proses *istihalah* (al-Dusuqi, t.th).

Mazhab Hanafi pula berpendapat proses *istihalah* adalah mengubah atau menukar najis kepada sesuatu yang suci samada secara semulajadi atau tidak (Ibn Nujaym al-Misri, t.th). Sebagai contoh, perubahan babi dan bangkai kepada butiran garam apabila haiwan tersebut terjatuh ke dalam lautan garam, lautan tersebut dikira suci. Begitu juga, *istihalah* diaplikasi terhadap proses pembakaran najis yang berubah menjadi abu dan abu tersebut dikategorikan sebagai suci (Ibn Nujaym al-Misri, t.th).

Mazhab Shafi'i pula berpendapat bahawa proses *istihalah* tidak diterima kecuali dalam tiga keadaan perubahan (al-Nawawi, t.th). Keadaan perubahan tersebut adalah seperti perubahan arak menjadi cuka, penyamakan kulit haiwan yang halal serta tidak halal kecuali babi dan anjing dan sesuatu najis berubah kepada hidupan yang lain secara semulajadi misalnya bangkai yang berubah menjadi ulat. Begitu juga, pandangan Mazhab Hanbali mempunyai persamaan dengan pandangan mazhab Shafi'i terhadap aplikasi konsep *istihalah*. Mazhab Hanbali berpendapat *istihalah* hanya dapat diterima pada proses perubahan arak menjadi cuka sahaja. Manakala, proses pembakaran tidak diterima sebagai *istihalah* (Abd al-Salam Abdullah, 1984).

Menurut Mohammad Aizat Jamaludin (2011), pendapat mazhab Hanafi lebih sesuai diaplikasikan dalam proses *transformation* kerana keluasan skop yang digunapakai selaras dengan perkembangan teknologi penghasilan produk kosmetik pada masa kini. Selain itu, menurut Nazih Hammad (2004) dan Mohammad Aizat Jamaludin (2011) juga berpendapat bahawa bagi memastikan proses *istihalah* diterima secara sempurna, ia mestilah berlaku kedua-dua perubahan fizikal dan kimia secara menyeluruh. Perubahan fizikal sesuatu bahan ialah perubahan bau, warna dan rasa. Sebagai contoh ia dapat dilihat dalam konteks penyamakan kulit haiwan kecuali kulit anjing dan khinzir. Manakala perubahan secara kimia merupakan perubahan sesuatu jisim kepada jisim yang lain seperti perubahan arak kepada cuka (Mohammad Aizat Jamaludin, 2012).

Apabila diteliti dari sudut perubahan fizikal dan kimia terhadap ramuan allantoin, perubahan yang berlaku hanyalah pada fizikal sahaja iaitu perubahan rasa, bau dan warna. Menurut Shirwan (2019), perubahan kimia pula tidak berlaku pada proses penghasilan *allantoin*. Maka proses *istihalah* tidak berlaku pada penggunaan allantoin. dalam penghasilan kosmetik kerana tidak berlaku sebarang perubahan kimia. Namun, beliau berpendapat bahawa terdapat ramuan alternative *allantoin* yang boleh dihasilkan menggunakan campuran asid dan tiada keraguan status kehalalan penggunaannya.

ANALISIS PENGAPLIKASIAN *IHTIYAT* TERHADAP RAMUAN ALLANTOIN

Sebelum dibahaskan aplikasi *ihtiyat* terhadap ramuan *allantoin* perlu dijelaskan konsep *ihtiyat* pada pandangan fuqaha. *Ihtiyat* merupakan suatu perkataan daripada bahasa Arab yang bermaksud berwaspada terhadap sesuatu perkara bagi mengelakkan *makruh*. Selain itu juga, kewajipan bagi seseorang muslim itu meninggalkan sesuatu perkara bagi mengelakkan kemudaratan atau bahaya (Ahmad Mukhtar Abdul Hamid Umar, 2008).

Majoriti fuqaha daripada Shafi'i, Hanafi, Hanbali dan Maliki bersepakat dalam aplikasi kaedah *ihtiyat* bagi menyelesaikan isu syubhah atau kekeliruan dengan mengambil pandangan yang lebih berat iaitu haram berbanding sesuatu yang halal (Mohd Hapiz Mahaiyadin, 2018).

Izz al-Din Ibn Abd al-Salam (1991) dalam kitabnya menyatakan *ihtiyat* adalah meninggalkan sesuatu yang meragukan kepada apa yang tidak meragukan. Al-Subki (1991) juga ada menyebut dalam kitabnya *ihtiyat* adalah perbuatan menjauhkan diri dari sesuatu yang tidak berdosa kerana ditakuti terjebak dalam perbuatan yang berdosa.

Apabila diteliti sumber asal penghasilan *allantoin*, terdapat keraguan antara halal atau haram melainkan terdapat bukti yang mengharuskannya seperti pengesahan sijil daripada JAKIM, *material certificate data sheet* dan *certificate of analysis. Material Safety Data Sheet (MSPS)* dan *Certificate of Analysis (COA)* biasanya hanya dipegang oleh industri sahaja (Sani 2019). Lanjutan daripada itu, sebagai pengguna perlulah mengambil langkah berwaspada (*al-ihiyat*) dalam penggunaan bahan yang tidak dapat dipastikan daripada mana sumber kosmetik tersebut.

Para fuqaha menetapkan hukum *syubhah* apabila berlakunya keraguan atau kesamaran di antara halal atau haram kerana terdapat dua dalil yang bercanggah dengan status kenajisan *allantoin* (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, 2008). Hal ini berbeza apabila ianya digunakan untuk rawatan kulit seperti *eczema (sejenis penyakit kulit)* kerana fungsi *allantoin* itu sendiri dapat membantu kulit sensitif dan menghilangkan luka.

PENUTUP

Terdapat pelbagai kekangan yang amat jelas untuk memahami sesuatu dalam perkembangan ilmu yang pesat pada masa kini. Pembuatan kosmetik ialah satu contoh mudah yang sebenarnya amat perlu dititikberatkan oleh semua individu Muslim. Oleh itu, amatlah perlu sinergi antara dua pihak iaitu para fuqaha dan ahli sains untuk memastikan perkembangan kosmetik dan hal lainnya akan memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh agama Islam sepertimana terkandung dalam al-Quran dan hadis. Jadi, pelbagai kaedah fiqh yang perlu diambilkira dalam penentuan halal dan haram pada zaman ini disebabkan tiada status jelas mengenai ramuan kosmetik yang digunakan.

Lantaran itu, kajian analisis hukum sesuatu bahan dalam kosmetik amatlah penting bagi memastikan tiada keraguan pada bahan gunaan harian. Justeru itu, penulis berpendapat bahawa penggunaan *allantoin* dalam kosmetik adalah harus sekiranya kosmetik tersebut bebas daripada alkohol, bebas daripada sumber haiwan dan seratus peratus sumber tumbuhan.

RUJUKAN

- Abdullah, Abd al-Salam. 1984. *Al-Muharrir fi al-Fiqh Ala Madhhab Imam Ahmad bin Hanbal*. 2. Jilid 1. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Disunting oleh Muhammad Zuhair Nasir. Beirut: Dar al-Tawq al-Najah.
- Al-Dusuqi, Muhammad Ahmad. T.th *Hashiyah al-Dusuqi Ala al-Sharh al-Kabir*. Jordan: Dar al-Fikr.
- Al-Kasani, Ala' al-Din. 1986. *Bada'ic al-Sana'ic fi Tartib al-Shara'ic*. 2. Jilid 1. Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Misri, Ibn Nujaym. T.th *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. 2. Jilid 1. Qahirah: Dar al-Kitab al-Islami.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muh al-Din. T.th *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jilid 2. Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Abu al-Walid Muhammad. 1988. *Al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. 1. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Qurtubi, Abu Al-Walid Muhammad. 2004. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Cairo: Dar al-Hadis.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawwalli. 1997. *Tafsir al-Sha'rawi*. Akhbar al-Yawm.
- Al-Shafi'i, Taqi al-Din. 1994. *Kifayat al-Akhyar fi Halli Ghayat al-Ikhtisar*. 1. Disunting oleh Ali Abdul Hamid Balthaji. Jilid 1. Damsyiq: Dar al-Khayr.
- Al-Subki, Taj al-Din Abd al-Wahhab bin Taqi al-Din. 1991. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. 1. Jilid 1. Dar Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tarmizi, Muhammad Isa. 1998. *Sunan al-Tarmizi*. Disunting oleh Bashir Awwad Ma'ruf. Jilid 1 & 4. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. 23. Kaherah: Muassasat al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah bin Mustafa. T.th *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. 4. Jilid 1. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Basmeih, Abdullah. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. 12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Cobuild, Collin. 1994. *Essential English Dictionary*. United Kingdom: University of Birmingham.

- Daintith, John (editor). 2008. *Oxford Dictionary of Chemistry*. 6. New York: Oxford University Press.
- Hammad, Nazih. 2004. *Al-Mawad al-Muharramah wa al-Najasah fi al-Ghaza' wa al-Dawa'*. 1. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Ibn Qudamah, ʿAbd Allah Muhammad. 1997. *Al-Mughni*. 3. Riyad: Dar ʿAlam al-Kutub.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. 2015. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Qalʿahji, Muhammad Rawwas. 1988M. *Muʿjam Lughah Al-Fuqaha'*. 2. Beirut: Dar Al-Nafa'is.
- Salam, Abu Muhammad Izz al-Din Abdul Aziz bin Abdul. 1991. *Qawaʿid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Jilid 2. Qahirah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyah.
- ʿUmar, Ahmad Mukhtar Abdul Hamid. 2008. *Muʿjam al-Lughah al-Arabiyah al-Muʿasarah*. 1. Jilid 1. ʿAlam al-Kitab.

Jurnal

- Ahmad Nuryani, Nur Pratiwi & Abdul Basir Mohammad. 2015. *Penggunaan Insulin dan Vaksin Meningitis kepada Jemaah Haji Menurut Perspektif Islam*. Fikiran Masyarakat. Vol. 3, No. 1. 13-21.
- Anisah Ab Ghani & Muhammad Safiri Ismail. 2010. *Penentuan Piawaian Alkohol dalam Makanan yang Dibenarkan dari Perspektif Islam*. Journal Fiqh. No. 7. 277-299.
- Arshia Mukhtar & Muhammad Mohsin Butt. 2011. *Intention to Choose Halal Products: The Role of Religiosity*. Journal of Islamic Marketing. Vol. 3, No. 2. 108-120.
- G.O. Igile, G.A. Essiet, F. E. Uboh & E.E.Edet. 2014. *Rapid Method for the Identification and Quantification of Allantoin in Body Creams and Lotions for regulatory activities*. International Journal of Current Microbiology and Applied Science. Vol. 3, No. 7. 552-557.
- Hani Mansour Musa Al-Mazeedi. 2009. *Change of State from Haram to Halal*. Halal Journal.
- Heather P Harding, Yuhong Zhang, Anne Bertolotti, Huiqing Zeng & David Ron. 2000. *Perk is Essential for Translational Regulation and Cell Survival During the Unfolded Protein Response*. Molecular Cell. Vol. 5. 897-904.
- K.H. Steinkraus. 2002. *Fermentation in World Food Processing*. Comprehensive Reviews in Food Science and Food Safety. 23-32.
- Latifah Mohd Noor, Siti Rubaini Mat, Norhakimah Dhiaudin & Afif Arifin. 2018. *Alkohol: Definisi, Pengharaman, Metabolisme dan Kegunaannya*. cUlum Islamiyyah Journal. Vol. 23. 97-114.
- Lillian Becker, Wilma F Bergfeld, Donald V Belsito, Curtis D Klaassen, James G Marks, Ronald C Shank, Thomas J Slaga, Paul W Snyder, F Alan Andersen . 2010. *Final Report of the Safety Assessment of Allantoin and It Related Complexed*. International Journal of Toxicology. Vol. 29, No. 3. 84S-97S.
- Loden, Andersson & Lindberg. 1999. *Improvement in Skin Barrier Function in Patient with Atopic Dermatitis after Treatment with a Moisturizing Cream (Canoderm)*. British Journal of Dermatology. Vol. 14, No. 2. 264-267.
- Mohammad Aizat Jamaludin & Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. 2009. *Teori Istihalah Menurut Perspektif Islam dan Sains: Aplikasi Terhadap beberapa Produk Makanan*. Jurnal Syariah. Vol. 17, No. 1. 169-194.
- Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli. 2011. *Istihalah: Analysis on the Utilization of Gelatin in Food Products*. 2nd International Conference on Humanities, Historical and Social Science. Singapore: IACSIT.
- Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli. 2012. *Aplikasi Istihalah dalam Produk Berasaskan Alkohol: Satu Pendekatan Integratif*. Transformasi Penyelidikan dalam Bidang Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. 491-498.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Dzulkifli Mat Hashim & Suhaimi Ab Rahman. 2012. *Fiqh Istihalah: Integration of Science and Islamic Law*. Revelation and Science. Vol. 2, No. 2. 117-123.

- Mohd Hapiz Mahaiyadin. 2018. *Wacana Fuqaha tentang Kaedah al-Ihtiyat dalam Masalah Shubhah Halal Haram*. Perdana International Journal of Academic Research. Vol. 1, No. 1. 1-12.
- Mohezar, Suhaiza Zailani & Zainorfarah Zainuddin. 2016. *Halal Cosmetic Adoption Among Young Muslim Consumers in Malaysia: Religiosity Concern*. Global Journal of Al-Thaqafah. Vol. 6, No. 1. 47-59.
- Nur Syazwani Mohd Hanafiah & Aminuddin Ruskam. 2014. *Kajian Mengenai Kandungan Alkohol dalam Produk Minuman yang Terdapat dalam Pasaran*. International Seminar on Islamic Law, Economic, Education and Science Issue . Johor: Universiti Teknologi Malaysia. 2-7.
- Nurul Aiman Mat Abdullah & Mohd Izhar Ariff Mohd Kasim. 2018. *Rawatan Menggunakan Air Kencing Unta Menurut Perspektif Islam dan Sains*. Fikiran Masyarakat. Vol. 6 No. 3. 129-135.
- Ramadhan Hamdun 'Ali. 2013. *Istihalah al-Ashya' fii Mizan al-Fiqh al-Islami*. Majallah Kulliyah al-Ulum al-Islamiyyah. Vol. 2, No. 14.
- Sergey A Fedoreyev, Yulia Vereshchagina, Victor Bulgakov, Marina V Veselova, G.K. Tchernoded, A.V Grasimenko & Yuri N Zhuravlev. 2012. *Production of Allantoin, Rabdosin and Rosmarinic Acid in Callus Cultures of the Seacoastal Plant Mertensia Maritima (Boraginaceae)*. Journal of Plant Biotechnology. Vol. 110, No. 1. 183-188.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Muhammad Yusof & Luqman Abdullah. 2008. *Konsep 'Halalan Tayyiba' dalam Pemakanan dan Implikasinya terhadap Ibadah*. Jurnal Usuluddin. 79-92.
- Tuan Sidek T.M & Ridzwan Ahmad. 2017. *Aplikasi al-Istihalah dalam Industri Semasa Menurut Perspektif Maqasid al-Syariah*. International Journal of Humanities Technology and Civilization. Vol. 2, No. 1. 1-9.
- Vakhtang Barbakadze, Karen Mulkijanyan, Lali Gogilashvili, Lela Amiranashvili, Maia Merlani, Zhana Novikova & Marine Sulakvelidze . 2009. *Allantoin and Pyrrolizidine Alkaloids- Free Wound Healing Compositions from Symphytum asperum*. Bulletin of The Georgian National Academy of Science. Vol. 3, No. 1. 159-164.

Disertasi

- Naqa' 'Imad Abdullah Dik. *Ahkam Zinah Wajhah al-Mar'ah fi Fiqh al-Islami*. Disertasi Sarjana, Universiti al-Najah al-Wataniyyah, Nablus, 2010.

Internet

- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. 2017. *Irsyad Al-Fatwa siri ke-185*. <http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/953-irsyad-al-fatwa-siri-ke-185-menggunakan-alcohol-swab-dan-minyak-wangi-beralkohol> (Diakses pada 9 Mac 2019).
- Harper, Douglas. t.th *Alcohol*. (Diakses pada 15 Mac 2019). <https://www.etymonline.com/word/alcohol>.
2004. *National Centre for Biotechnology Information*. <https://pubchem.ncbi.nlm.nih.gov/compound/204> (Diakses pada 31 Mei 2019).

Seminar

- Mahmod, Nor Ardzlina. *Ramuan Kritikal bagi Produk Kosmetik*. Seminar Halal Bersiri University Malaya of Halal Research Centre (UMHRC) 1/2019: Kosmetik Halal. 29 Februari 2019.

Temubual

- Muhammad Shirwan Abdullah Sani. Penolong Profesor Institusi Penyelidikan dan Latihan Halal Antarabangsa. 12 Mac 2019.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.